

**TEKS PERGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGAL PERTAMA**

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam sesi perbahasan persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Penglibatan semua Ahli Yang Berhormat dalam memberi idea dan cadangan sememangnya sangat membantu demi pembangunan belia negeri ini.

Tuan yang dipertua, izinkan saya memulakan penggulungan saya dengan serangkap pantun.

Tepian biara pohon pulasan,
Kelopak dahlia di atas papan;
Aspirasi negara mencapai wawasan,
Di tangan belia terletak harapan.

Masa untuk PRU15 sudah semakin menghampiri, maka inilah masanya untuk Kerajaan Negeri menunjukkan keikhlasan manifesto terhadap pengundi. Selaras dengan manifesto PH, dimana 68 janji dalam manifesto PRU14, salah satunya adalah untuk mengehadakan tempoh jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja. Maka sejurus selepas Pilihan Raya Umum Ke-14, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminda Undang- Undang Tubuh Negeri bagi membolehkan cadangan mengehadakan tempoh perkhidmatan ketua Menteri kepada dua penggal dilaksanakan.

Hal ini demikian kerana ia merupakan salah satu cara dalam melaksanakan reformasi sistem politik di mana amalantadbir urus baik dan telus dapat diterapkan. Sebagai Contoh, Tempoh KM tanpa had yang diamalkan Malaysia sebelum ini telah mewujudkan pemusatan kuasa berlebihan kepada KM sehingga mengakibatkan kesan negatif kepada negara dan defisit kepercayaan rakyat. Pendekatan dasar ini juga bertujuan untuk membendung kemungkinan berlakunya sebarang salah guna kuasa dan rasuah akibat pemusatan kuasa berlebih kepada PM yang memegang jawatan begitu lama dalam pentadbiran. Tempoh dua penggal ini juga akan memberi tekanan kepada PM untuk memberi tumpuan dan fokus kepada pelaksanaan dasar-dasar negara. Dari sudut politik, ia juga membuka ruang kepada pimpinan baharu menerajui negara, khususnya anak muda dan wanita, yang berpotensi mengemudi negara pada masa akan datang. Lebih penting lagi, pendekatan ini dapat mengurangkan persaingan perebutan jawatan PM yang masih lagi membarah dalam politik negara, khususnya dalam fasa pemulihan pasca pandemik di Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Seperti semua sedia maklum, pada tahun 2012 Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah pun melaksanakan satu pindaan enakmen terhadap perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 yang mana menyekat seseorang wakil rakyat daripada melompat parti. Saya amat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Bagan Dalam, di mana Yang terhormat mencadangkan sebagai warga yang bertanggungjawab, kita harus menunjukkan sokongan kita terhadap usaha penggubalan RUU Akta Anti-Lompat Parti dan juga usaha-usaha lain seperti cadangan mewujudkan Akta Pendanaan Politik agar politik negara kita kekal stabil dan bersih. Dengan ini, saya menyeru semua ahli yang terhormat Sidang muda, tolonglah, ingatlah, kita tak kira dari latar belakang apa pun, harus selalau ingat dari mana kita mula, sentiasa (dengan izin Tuan Yang Dipertua)

Batang jermal disayat-sayat,
Tumbuh melata perdu mempelas;
Integriti diamal sepanjang hayat,
Melakukan tugas sepenuh ikhlas.

Tuan yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan tambahan Yang terhormat Adun Pantai Jerejak, Anak syarikat milik kerajaan negeri GLC sememangnya memainkan peranan penting dan berganding bahu dengan kerajaan negeri untuk pembangunan ekonomi negeri. Antara pendekatan yang digunakan oleh GLC adalah

- 1) Pelaksanaan program pembangunan kapasiti bagi menyediakan modal insan yang mampu menyumbang kepada hasil pembangunan ekonomi
- 2) Melaksanakan transformasi digital bagi mempromosikan perusahaan tempatan untuk menjadi digital dan bertaraf antarabangsa.
- 3) Mempromosikan syarikat tempatan untuk menarik lebih banyak pelabur ke negeri Pulau Pinang dan menyediakan ifrastruktur yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri.

Dan bagi menjawab soalan YB selanjutnya, jumlah GLC di Pulau Pinang adalah 16 anak syarikat, dan setiap GLC mempunyai peranan tersendiri, dengan itu, saya telahpun menghantar satu teks kepada Group Sidang Muda 2022, di mana semua jawapan peranan tertakluk di sana.

Di sini, saya juga hendak memberikan satu kenyataan dan jawapan kepada semua anak negeri Pulau Pinang iaitu, kerajaan negeri bersedia memberi jaminan dan peluang untuk lebih mengutamakan Fresh Graduate terutamanya dari anak jati negeri pulau pinang untuk menganggotai GLC ini pada masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan kerisauan yang telah dibangkitkan oleh YB Pulau Tikus, berhubung dengan perkembangan dalam konflik isu air antara kerajaan Pulau Pinang dengan kerajaan negeri Kedah, maka dengan ini saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak langung berhasrat untuk membayar sebarang nilai tertentu bagi air mentah kepada Kerajaan

Negeri Kedah kerana negeri Pulau Pinang menggunakan air dari sungai khususnya di bahagian sempadan negeri Pulau Pinang sejajar dengan undang-undang dan hak antarabangsa. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mempertahankan hak riparian sumber air negeri (Penang State Riparian Water Rights). Sebagai Contohnya sungai di Eropah yang mengalir ke beberapa negara, berdasarkan konvensyen antarabangsa, semua negara dibenarkan untuk mengambil serta menggunakan air dari sungai tersebut. Begitu juga Pulau Pinang mempunyai hak untuk mengambil air dari Sungai Muda yang berasal dari Kedah dan mempunyai hak untuk menggunakan air mentah itu selagi tidak menjejaskan hak generasi akan datang untuk menggunakannya

Maklum balas surat tuntutan Kerajaan Negeri Kedah telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang dan perkara ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara. Dimaklumkan bahawa perkara ini masih belum mendapat maklum balas daripada Pejabat Peguam Negara. Namun, Kita sokong negeri Kedah menuntut pampasan ini daripada Kerajaan Persekutuan seandainya Kedah mengambil tindakan untuk mewartakan Hutan Simpan Kekal di Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air bagi memastikan Ulu Muda dapat membekalkan air kepada tiga negeri di utara iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Sehubungan dengan itu, bagi menjawab kerisauan Pualau tikus terhadap inisiatif kerajaan untuk membantu golongan B40, maka dengan Sukanya saya menyatakan bahawa kerajaan negeri sememangnya menjalankan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan B40, sebagai contoh penyediaan kediaman mampu milik bernilai RM42,000 sedang cuba dilaksana bagi memastikan matlamat 'satu keluarga satu rumah' dapat dicapai. Kerajaan negeri juga meningkatkan peluang ekonomi baharu selari perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 yang memfokuskan teknologi kreatif dan 'Internet of Things' (IoT). Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang (PBRPP) bagi mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan keseluruhan berjumlah RM176.44 juta untuk membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19). Bagi tahun 2020, peruntukan telah disediakan dalam tiga (3) fasa iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 2.1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM155.23 juta. Setakat ini, bagi tahun 2021 peruntukan telah disediakan dalam dua (2) fasa berjumlah RM21.21 juta. Peruntukan yang telah disalurkan di dalam lima (5) fasa agihan adalah seperti dokumen yang saya agihkan dalam Whatsapp sidang muda 2022 juga supaya lebih banyak masa dapat diluangkan untuk penggulungan lain.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana amanat yang disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua dalam ucapan perasmian Persidangan Dewan, saya turut menghargai perbahasan, idea bernas dan juga sokongan mahupun bangkangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Amat besar hasrat saya agar Belia Pulau Pinang terus kekalkan momentum ini supaya visi negeri dapat tercapai dan Negeri Pulau Pinang menjadi negeri pintar, negeri yang didukung oleh belia yang menginspirasi negara. Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini dengan rendah dirinya meminta sokongan padu dan sebulat suara daripada semua ahli-ahli dewan ini untuk bersama-sama menyokong demi kejayaan dan masa depan kita bersama. Ayuhlah pemuda-pemudi negeri Pulau Pinang, DEMI NEGERI TERCINTA

KITA, inilah masa kita, inilah peluang kita mewujudkan keajaiban dan marilah kita sama-sama tunjukkan bahawa kita telah bersedia untuk memimpin.

Tuan Yang Dipertua,

Belia insan penentu negara,
Belia berpengetahuan merebut peluang
Belia kreatif majulah negara
Belia cemerlang negara terbilang

Sekian, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Terima kasih.

Dhurgesswaran Veeran
N26 Padang Kota
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

